PERCUMA

buletin Mutiara

BERSATU DAN SETIA

Cekap Akauntabel Telus

16 – 31 Mei 2012

http://www.facebook.com/buletinmutiara
http://www.facebook.com/cmlimguaneng

**Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang mengucapkan Selamat Menyambut Tadau Kaamatan.**

# Masalah 13 tahun tanah wakaf Jelutong berjaya diselesaikan PR

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**




**PENGERUSI Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi (barisan tengah, empat dari kiri) bersama sebahagian dari 537 atlit yang bakal mewakili Kontinjen Pulau Pinang dalam Kejohanan SUKMA XV di Pahang bermula 7 Julai - 16 Julai ini. Buletin Mutiara mengucapkan Selamat Maju Jaya. Gempur.. Gempur.. Gempur..** ***Gambar oleh Chan Lilian.***

**GEORGE TOWN -** Masalah umat Islam di Jelutong yang gagal diselesaikan oleh Kerajaan Negeri era Barisan Nasional (BN) sejak 13 tahun lepas berjaya diselesaikan oleh pentadbiran Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim berkata, proses pengambilalihan tanah seluas 3.208 ekar milik bukan Islam yang bernilai RM20 juta bagi menangani masalah kepadatan tanah perkuburan Islam di Jelutong dilakukan sungguhpun kerajaan pusat sebelum ini berjanji untuk membeli tanah bernilai tinggi itu.

"Tanah yang diambil untuk tujuan perkuburan kini dimiliki oleh orang bukan Islam.

"Ia merupakan kes yang jarang berlaku di mana tanah bukan Islam diambil untuk tujuan perkuburan Islam di Pulau Pinang," ujar beliau pada satu sidang media di Komtar di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang, Datuk Mansor Othman, Datuk Mohd. Salleh Man (Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir merangkap Pesuruhjaya PAS Negeri) turut hadir pada sidang akhbar tersebut.

Justeru katanya, isu tersebut tidak wajar dipolitikkan oleh mana-mana pihak khususnya pihak pembangkang memandangkan inisiatif Kerajaan Negeri nyata demi kepentingan rakyat terbanyak di Jelutong.

Sumber Pejabat Tanah Daerah Timur Laut (DTL) mendedahkan, pihaknya telahpun meluluskan proses perbincangan dan pengambilan balik tanah Lot 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18 dan 19 Seksyen 4 Bandar Jelutong, Daerah Barat Daya untuk tujuan tanah perkuburan Islam dan perumahan am sejak 1999 lagi.

Nilai pasaran tanah berkenaan semasa itu adalah sekitar RM5 juta hingga RM6 juta sahaja.

Namun, Kerajaan Negeri di bawah UMNO serta BN gagal menyelesaikan masalah itu sungguhpun mendapat sokongan langsung daripada kerajaan pusat ketika itu.

Apabila masalah tersebut dibangkitkan semula, kerajaan pusat enggan membantu sungguhpun Kerajaan Negeri era Pakatan Rakyat (PR) membuat permohonan demikian demi kepentingan umat Islam di negeri berkenaan.

"Tetapi malangnya, kerajaan pusat tidak mempertimbangkannya atas faktor kepentingan umat Islam di negeri ini, apabila memutuskan untuk tidak akan menyalurkan peruntukan bagi proses pengambilalihan tanah perkuburan tersebut," ujar Abdul Malik.

Dari 3.208 ekar tanah yang terlibat, 1.55 ekar akan dijadikan tanah wakaf perkuburan manakala baki 1.657 ekar akan dijadikan perumahan am rakyat setempat yang menelan belanja RM60 juta lagi.

Proses pengambilan lot-lot tanah berkenaan mula diwartakan oleh Kerajaan Negeri PR pada 9 Disember 2010.

Difahamkan, Kerajaan Negeri menggunakan Akta Pengambilan Tanah, 1990 bagi mengeluar perintah pada 30 Disember tahun lepas dengan kesemua 14 tuan tanah masing-masing diberi pampasan yang munasabah.

Kerajaan Negeri turut memberi pampasan yang munasabah kepada empat pemilik bangunan yang hadir dalam satu proses siasatan.

Manakala 25 pemilik bangunan yang tidak hadir pada proses siasatan itu turut boleh menuntut pampasan masing-masing seperti yang didepositkan oleh Kerajaan Negeri di bank sebelum ini.

Perkembangan terbaru ini sekaligus membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang mampu memartabatkan umat Islam dan rakyat yang berbilang kaum sungguhpun seakan dipinggirkan dari segi kewangan oleh kerajaan pusat yang diterajui oleh UMNO serta BN.

# Peruntukan untuk pelajar bertambah

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN -** Seramai 343 pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2011 diraikan dalam Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang SPM bertempat di Dewan Sri Pinang, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Lim Guan Eng berkata, peruntukan yang disediakan Kerajaan Negeri bagi meraikan pelajar cemerlang kian meningkat dari tahun ke tahun sejak Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) mengambil alih tampuk pemerintahan.

"Pada tahun ini saja, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM91,700 untuk diagihkan kepada pelajar cemerlang termasuk mengikut kategori bangsa, pelajar istimewa (khas) dan sekolah terbaik.

"Malah, saban tahun, peruntukan ini dilihat meningkat, di mana bagi tahun 2008 (RM32,000), 2009 (RM61,300) dan 2010 (RM55,950) telah diberikan kepada anak tempatan yang cemerlang di dalam SPM tanpa mengira latar belakang, jantina dan kaum," katanya pada Majlis Anugerah Cemerlang 2011 baru-baru ini.

Tambah beliau, bukan setakat itu, sumbangan token juga telah dinaikkan kepada RM300 berbanding dahulu, RM250 sahaja. Manakala bagi kategori pelajar terbaik, Kerajaan Negeri turut menambah sekali ganda jumlah sumbangan kepada RM300 berbanding tahun sebelumnya, RM150.

"Ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri PR Pulau Pinang sentiasa peka dengan tuntutan arus kehidupan zaman kini selaras dengan konsep kerajaan berjiwa rakyat yang sentiasa menjaga kebajikan anak-anak tempatan.

"Kerajaan Negeri berpegang teguh dengan integriti. Kita telah buktikan dengan pentadbiran yang bersih, kejayaan dapat dikongsi bersama dengan rakyat," ujar Guan Eng.

Sementara itu, bagi Aisyah Yusairah Mohd. Zaidi, 18, yang sebelum ini diumumkan antara tiga pelajar terbaik SPM 2011 berketurunan Melayu negara menyatakan bahawa beliau amat berterima kasih kepada kedua ibu bapa, guru dan kawan-kawan yang tidak jemu memberinya semangat dan dorongan untuk meneruskan kejayaan.



AISYAH Yusairah Mohd. Zaidi.

"Alhamdullilah, saya dapat memperoleh keputusan cemerlang 11A+ bagi kesemua mata pelajaran yang diambil. Insyaallah, saya akan meneruskan pengajian di Amerika Syarikat di dalam bidang perbankan dan kewangan," ujarnya yang turut menerima biasiswa daripada Bank Negara Malaysia bagi meneruskan pengajian di sana kelak.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus, Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait dan Ketua Sektor Pengurusan Sekolah Peperiksaan, Pauzi Omar.



KETUA Menteri menyampaikan sumbangan penghargaan kepada Suraya Mohamad yang diumum sebagai salah seorang penerima bagi kategori Anugerah Khas daripada Kerajaan Negeri. Turut kelihatan adalah ibunya, Yasmin Abdullah (belakang, bertudung jingga).

**SINDIR MUTIARA**

Oleh: **SAM**



# KM saman Perkasa, NST dan Utusan

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** "Kes terbaru penipuan yang diada-adakan oleh akhbar *New Straits Times* (NST) ke atas salah seorang Senator Australia, Nick Xenophon menyebabkan saya enggan menjemput mana-mana media UMNO yang tidak beretika ke sidang media saya," tegas Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng yang menyatakan bahawa tindakan beliau adalah bertujuan untuk mempertahankan diri (*act of self-defence*) dari menjadi mangsa fitnah dan penipuan akhbar-akhbar tersebut.

Lanjutan itu, Guan Eng mengambil keputusan untuk menfailkan saman fitnah ke atas *The New Straits Times Press* (NSTP), Utusan Melayu Berhad (UMB) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) kerana telah menuduhnya membocorkan rahsia negara kepada pemimpin-pemimpin tertinggi Singapura pada suatu majlis makan malam tahun lalu.

"Saya akan meminta peguam saya untuk memfailkan tindakan mahkamah ke atas NSTP, UMB dan Perkasa.

"Mereka (NSTP dan UMB) telah memohon maaf kepada Datuk Mohamed Azman Yahya dan Datuk Seri Kalimullah Hassan atas laporan palsu yang disiarkan pada 2 Oktober tahun lalu.

"Tapi (Tetapi), saya langsung tidak menerima sebarang mohon maaf atau penjelasan atas fitnah yang diada-adakan oleh mereka terhadap saya," ulas Guan Eng pada sidang media di pejabat beliau di sini baru-baru ini.

Selain itu, beliau turut menjelaskan bahawa ada juga laporan yang melabelkannya sebagai anti-Islam dan bersikap rasis terhadap warga Pulau Pinang.

Dalam pada itu, merujuk kepada artikel NST bertarikh 2 Mei 2012, NST dengan sengaja menggunakan istilah Islam menggantikan '*Scientology'*, sebuah organisasi jenayah, memetik ucapan Xenophon pada 2009 dalam sidang Parlimen Australia dan melabelkan Xenophon sebagai anti-Islam.

Disember lalu, Mahkamah Tinggi Pulau Pinang telah mendapati bahawa Utusan Malaysia (UM) bersalah dengan mengeluarkan kenyataan yang berniat jahat, fitnah dan tidak benar terhadap Guan Eng. Natijahnya, UM telah diarahkan untuk membayar ganti rugi atas fitnah yang dimainkannya dalam artikelnya 'Kebiadapan Guan Eng'.

"Demi mengelakkan gambaran yang mengelirukan, adalah wajar bagi saya untuk tidak memanggil mana-mana akhbar yang berkaitan dengan UMNO atau BN ke majlis-majlis rasmi kerana mereka hanya akan melaporkan perkara yang tidak benar.

"Oleh itu, saya telah arahkan peguam saya untuk menfailkan suatu tindakan mahkamah yang wajar ke atas NSTP, UMB dan Perkasa kerana saya tidak mempunyai keupayaan untuk mengawal laporan palsu mereka walaupun tidak ada wakil mereka yang hadir ke suatu sidang media itu," tegas Guan Eng yang turut kesal dengan laporan-laporan yang disiarkan oleh akhbar-akhbar tersebut dan menegaskan bahawa beliau tidak akan memanggil mana-mana akhbar yang cuba mengada-adakan laporan palsu atau fitnah ke atas beliau.



**KETUA Menteri menunjukkan petikan laporan berita yang disiarkan NSTP di sini baru-baru ini.**

# Nasil kandar pertama terima sijil sah halal

**JURU –** Rangkaian Restoran Nasi Kandar Nasmir Sdn. Bhd. menjadi restoran nasi kandar pertama negara yang menerima Sijil Pengesahan Halal Malaysia dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di sini baru-baru ini.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim, pengiktirafan tersebut dilihat sebagai salah satu projek perintis halal dalam mempromosikan dan membangunkan industri halal tempatan.

"Kerajaan Negeri melalui fasilitasinya Halal Penang akan terus membangunkan industri halal tempatan ke peringkat antarabangsa.

"Malah, dengan penerimaan sijil pengesahan halal ini, kita bukan sahaja mempromosikan produk halal, malah, mampu mempromosikan nasi kandar sebagai salah satu produk pelancongan Pulau Pinang," ujar beliau pada Majlis Penyampaian Sijil Pengesahan Halal Malaysia di Restoran Nasi Kandar Nasmir Sdn. Bhd. cawangan Autocity Juru di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman dan Pengarah Urusan Nasmir Holdings, Kadhar Shah Abdul Razak.

Sistem piawaian Pensijilan Halal Malaysia adalah berlandaskan konsep Halalan Toyyiban seperti yang dituntut dalam Islam. Ia merangkumi aspek halal, bersih, suci, berkualiti dan selamat (tidak memudaratkan).

Selain cawangan Restoran Nasi Kandar Nasmir di Autocity, empat cawangan lain turut menerima sijil pengesahan Halal adalah cawangan Vantage Point, cawangan Bandar Perda, cawangan Simpang Empat dan cawangan Sungai Bakap di sini.




**MANSOR Othman (tiga dari kanan) menyerahkan sijil pengesahan Halal JAKIM kepada Kadhar Shah Abdul Razak (empat dari kanan) sambil diperhatikan Abdul Malik Abul Kassim (dua dari kanan) dan wakil-wakil rangkaian Restoran Nasi Kandar Nasmir Sdn. Bhd. di sini baru-baru ini.**

# Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat yang berjiwa rakyat sentiasa adil kepada semua.

## Pemilik Restoran DOREMI, Johar Ismail :

- Mohon maaf kepada Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri kerana publisiti negatif .
- Kesal dengan kesempatan yang diambil orang-orang dan organisasi tertentu sehingga beri publisiti negatif kepada Kerajaan Negeri.
- Ucap terima kasih di atas sumbangan RM20,000 Kerajaan Negeri.

21 Mac 2012

Johar Bin Ismail
D-5-1 Fasa 2, Flat Uda
Tanjung Tokong
10470 Pulau Pinang
K/p : 760120-07-[illegible]

YAB TUAN LIM GUAN ENG
Ketua Menteri Pulau Pinang
Tingkat 28, KOMTAR
10503 Pulau Pinang

YAB,

PER: PENYELESAIAN MASALAH GERAI DOREMI

Saya seperti nama dan alamat di atas mengucapkan ribuan terima kasih di atas sumbangan YAB Ketua Menteri dan YB Dato' Timbalan Ketua Menteri 1 sebanyak RM20 ribu dan juga bantuan dan nasihat daripada YB Haji Abdul Malik kepada saya berhubung dengan persetujuan saya mengosongkan premis restoran 'DOREMI'. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana menawarkan seunit gerai di kompleks gerai Bayu Senja di Batu Feringghi tetapi malangnya perniagaan restoran saya tidak sesuai dengan tapak gerai di kompleks itu.

Saya juga merasa kesal atas publisiti negatif yang telah diadakan dan ini telah diambil kesempatan oleh orang-orang dan organisasi tertentu.

Saya juga memohon maaf kepada YAB Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri di atas publisiti negatif dan kejadian-kejadian yang tidak diingini yang telah berlaku akibat tindakan di atas kerja penguatkuasaan terhadap premis restoran yang lalu.

Saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri di atas keprihatinan yang diberi terhadap masalah saya dan keluarga saya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

..............................................
( Johar Bin Ismail )
K/P : 760120-07-[illegible]
Akaun No : [illegible]
Nama Bank : [illegible]



PENGERUSI Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim (kanan sekali) bersama Ketua Menteri dan Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman bersalaman dengan Johar Ismail yang kesal dengan publisiti negatif babitkan Kerajaan Negeri.

**Rakyat Pulau Pinang jangan sesekali percaya fitnah-fitnah jahat yang dapat memecah-belahkan keharmonian negeri.**

# Mengapa Indeks Kebebasan Media Myanmar lebih baik dari Malaysia?

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**KUALA LUMPUR** - Kedudukan Malaysia di tempat ke-122 dalam Indeks Kebebasan Media 2011/2012 yang direkodkan oleh *Reporters Without Borders* masih wajar dipersoal sungguhpun indeks 2010 meletakkan negara di tangga ke-144.

Ahli Parlimen Bagan, Lim Guan Eng berkata, kedudukan itu mungkin mengambil kira insiden beberapa wartawan mengaku dipukul oleh polis semasa membuat liputan bebas dalam himpunan Bersih 3.0 di sekitar Kuala Lumpur pada 28 April lepas.

Beliau berkata, Malaysia sepatutnya boleh berada pada kedudukan lebih baik dari apa yang ditunjukkan oleh badan antarabangsa itu memandangkan negara pernah berada pada kedudukan ke-92 pada tahun 2006.

"Kita (Malaysia) sebenarnya telah mundur kerana kita telah mendapat tempat 92 pada tahun 2006," ujarnya dalam satu kenyataan sempena Hari Kebebasan Media Sedunia 2012 yang disambut pada 3 Mei di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, kedudukan Malaysia di tangga ke-122 sekarang menunjukkan bahawa negara (Malaysia) sama rendah dengan beberapa negara yang dikenali tidak demokratik.

"(Kedudukan) ke-122 meletakkan yang sama rendah dengan negara Tajikistan dan Algeria, (Malaysia) tidak adalah sesuatu yang kita boleh berbangga.

"Kemboja yang sebelum ini baru menerima cengkaman tentera Junta pun lebih baik (dari Malaysia) pada kedudukan ke-117," ujar beliau.

Tambah Guan Eng, insiden wartawan dipukul hatta kamera mereka dimusnahkan oleh polis adalah tidak wajar berlaku dalam sebuah negara yang menjunjung prinsip demokrasi.

Difahamkan, wartawan akhbar The Sun, Radzi Razak, Muhammad Arif Kartono (jurugambar akhbar The Malay Mail), Mohd. Azri Mohd. Salleh (jurukamera TV Al-Hijrah), Chen Shaua Fui (wartawan laman Merdeka Review), Harry Fawcett (wartawan antarabangsa Al-Jazeera) antara yang dikesan menerima kekasaran polis sungguhpun di luar "kawasan larangan" Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

Beliau turut mempertikai syarikat penyiaran berbayar tempatan, Astro kerana menapis laporan asal syarikat penyiaran antarabangsa Al-Jazeera yang turut memuatkan rakaman aksi polis memukul wartawan dan orang awam yang menyertai himpunan Bersih 3.0 di sekitar ibu negara.

"Hakikat yang tidak dapat disangkal adalah Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sendiri meminta maaf kepada wartawan Radzi Razak di Hospital.

"Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar turut meminta maaf selepas wartawan Malay Mail, Muhammad Ariff dikasari polis.

"Hanya Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein mengatakan bahawa isu ini perlu dilihat dalam konteks yang betul kerana mereka (polis) dipukul oleh para penunjuk perasaan dengan lebih teruk lagi," ujar beliau.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau turut mengecam insiden wartawan Kwong Wah Jit Poh, Adam Chew diserang hingga dicederakan dan menerima lapan jahitan semasa membuat liputan dalam himpunan aman anti-Lynas di Padang Kota dua bulan lepas.

Tuntas dari itu, beliau mencadangkan Kerajaan Pusat mewujudkan Akta Perlindungan Kepada Wartawan bagi mengelak insiden polis memukul wartawan sebagaimana dalam himpunan Bersih 3.0 di ibu negara berulang lagi.

# *Chitra Pournami* disambut penuh adat



**PEDATI lembu berhias yang menyertai perarakan sambutan *Chitra Pournami*.**



**KETUA Menteri dan Prof. P. Ramasamy (empat dari kiri) ketika bersama meraikan perayaan *Chitra Pournami* di Kuil Sri Maha Mariaaman, Lebuh Queen di sini baru-baru ini.**

**MERIAH...** Sambutan perayaan *Chitra Pournami* yang diadakan di Kuil Sri Maha Mariaaman, Lebuh Queen baru-baru ini diadakan dengan penuh adat-istiadat berserta kehadiran lebih 200 penganut beragama Hindu di sekitar negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng serta Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy turut hadir memeriahkan acara perayaan yang disambut setahun sekali itu.

Perayaan *Chitra Pournami* atau lebih sinonim dengan panggilan 'Mini Thaipusam' disambut bersempena hari kelahiran seorang pembantu dewa yang mencatatkan segala perbuatan manusia (kepercayaan penganut beragama Hindu), Chittiraguptan pada bulan penuh.

Bersempena dengan sambutan tersebut, perarakan pedati lembu berhias telah diadakan bermula dari Lebuh Queen dan berkahir di Kuil di Kebun Bungah di sini.

# RM1,100 gaji minumum jika PR ke Putrajaya – Guan Eng

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PERAI -** Pakatan Rakyat (PR) akan berusaha merealisasikan polisi gaji minimum RM1,100 meliputi sektor awam dan swasta sekiranya mendapat mandat untuk menubuhkan kerajaan pusat pada pilihan raya umum ke-13 (PRU 13) nanti, kata Y.A.B Tuan Lim Guan Eng.

Ketua Menteri Pulau Pinang itu berkata demikian sempena Hari Pekerja Peringkat Negeri Pulau Pinang yang disambut pada 1 Mei baru-baru ini.

"Kita (Pakatan Rakyat) komited sokong gaji minima RM1,100. Tentu Kerajaan Negeri tak boleh buat apa-apa.

"Tapi, kalau ubah kerajaan (pusat), kita akan usaha buat (laksanakan gaji minimum)," ujar beliau dalam Majlis Sambutan Hari Pekerja Peringkat Negeri Pulau Pinang di Taman Inderawasih, di sini.

Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai, Prof. Dr. P. Ramasamy turut berucap pada majlis tersebut.

Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebenarnya telahpun berjaya melaksanakan polisi gaji minimum antara RM1,000 hingga RM1,100 yang membabitkan pekerja bawahan dalam kerajaan, Majlis Perbadaran Seberang Perai (MPSP) dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) sungguhpun PR baru menerima mandat memerintah Pulau Pinang.

"Selepas mengambil alih Kerajaan Negeri, kita (Pakatan Rakyat) cukupkan gaji kakitangan bawahan dalam Kerajaan Negeri dan MPPP serta MPSP.

"Kita tambah RM150 lagi, sebab itu gaji keseluruhan mereka (kakitangan bawahan) di Pulau Pinang jauh lebih RM1,100," ujar beliau.

Dalam perkembangan sama, beliau turut mempertikai langkah Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan gaji minimum yang jauh lebih rendah dari tuntutan Kongres Kesatuan Sekerja (MTUC) pada hari yang sama.

Difahamkan, MTUC menuntut gaji minimum RM1,200 meliputi sektor awam dan swasta.



KETUA Menteri dan Dr. P. Ramasamy (duduk, tiga dari kanan) bersama pekerja dan penduduk Taman Inderawasih pada Majlis Sambutan Hari Pekerja Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Namun, Najib yang juga Menteri Kewangan mengumumkan gaji minimum pekerja di Semenanjung Malaysia adalah RM900 sebulan, manakala RM800 sebulan bagi pekerja dari Sabah dan Sarawak.

"(Najib) jangan kata ekonomi akan terjejas jika gaji minimum RM1,100 atau RM1,200 ini dilaksanakan kerana rasuah, pembaziran dan penyelewengan duit rakyat punya ekonomi terjejas.

"Malaysia tak akan mati tanpa mereka, tapi Malaysia akan mati kerana anda (pekerja)," tegas beliau.

Bagi Guan Eng, mereformasi sistem ekonomi, mewujudkan persekitaran kompetitif, melaksana tender terbuka, meningkatkan produktiviti berkualiti serta meningkatkan kemahiran pintar pekerja mampu memberi gaji yang lebih lumayan kepada pekerja.

# *Georgetown Heritage Treasure Hunt* rapatkan silaturahim

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Lebih 200 penggemar dan pelumba basikal memenuhi Padang Kota Lama bersempena penganjuran Program Mesra Rakyat Bersama Timbalan Ketua Menteri I - *Georgetown Heritage Treasure Hunt 2012* baru-baru ini di sini.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman berkata, penganjuran aktiviti berkenaan dapat merapatkan lagi hubungan silaturahim dan muafakat masyarakat setempat yang berbilang bangsa.

"Ianya adalah bersifat kekeluargaan yang boleh disertai oleh semua golongan usia. Bukan sahaja sebuah program riadah tetapi merupakan acara rekreasi yang baik untuk kesihatan.

"Umumnya, program seumpama ini adalah amat konsisten dengan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke arah Pulau Pinang yang lebih hijau, selamat dan sihat. Untuk menjadi sebuah negeri yang bertaraf antarabangsa, kita (Pulau Pinang) bukan sahaja perlu bersih, malah, rakyatnya juga perlu hidup dalam suasana keadaan yang sihat," ujarnya ketika upacara cabutan bertuah dan penyampaian hadiah kepada para peserta Program Mesra Rakyat Bersama Timbalan Ketua Menteri I - *Georgetown Heritage Treasure Hunt 2012* baru-baru ini di sini.

Menurut beliau, terdapat lebih 50 hadiah berupa hamper dan basikal percuma menjadi rebutan dalam acara cabutan bertuah dan juga mencari harta karun.

"Diharap penganjuran ini akan menyumbang kepada kehidupan masyarakat setempat yang lebih harmoni dan gaya hidup sihat," ujarnya.

Hadir sama, Pengarah Pejabat Tanah dan Dearah Daerah Timur Laut, Azizi Zakaria dan Penolong Pengarah, Zaharah Abd. Kadir.




KUMPULAN 25 yang dinobat sebagai juara penganjuran bergambar kenang-kenangan bersama Mansor Othman (lima dari kiri) pada Program Mesra Rakyat Bersama Timbalan Ketua Menteri I - *Georgetown Heritage Treasure Hunt* 2012 baru-baru ini di sini.

# Negeri sumbang 2/3 hasil pelancongan perubatan negara

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**




**KETUA Menteri bersama wakil-wakil dari Adventist Pulau Pinang dan NCCS turut serta dalam gimik Majlis Pecah Tanah AOC baru-baru ini di sini.**

**GEORGE TOWN –** Kerjasama antara pusat perubatan swasta, Adventist Pulau Pinang bersama *National Cancer Centre Singapore* (NCCS) dalam membangunkan sebuah pusat rawatan onkologi, *Adventist Oncology Centre* (AOC) bakal meningkatkan industri pelancongan perubatan negeri ini pada peringkat ASEAN dan juga antarabangsa.

AOC yang bercirikan bangunan tiga tingkat dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2014 dengan matlamat utama untuk meningkatkan kualiti kehidupan pesakit berkenaan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Adventist merupakan sebuah hospital swasta pertama di Malaysia yang mencapai tahap prestij dengan sijil akreditasi dari *Joint Commission International* (JCI), *Malaysian Safety and Quality in Health* (MSQH) dan *Baby Friendly Hospital Initiative* (BFHI).

"Diharap Adventist dapat meneruskan sokongan bagi menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah hub dalam meningkatkan industri pelancongan perubatan di rantau ini.

"Dengan jalinan kerjasama di antara Singapura dan Pulau Pinang, inisiatif ini dapat membangun dan mempromosikan lagi Pulau Pinang sebagai sebuah bandaraya perubatan di rantau ASEAN pada masa akan datang," ujarnya ketika Majlis Pecah Tanah AOC baru-baru ini di sini.

Menurut Guan Eng, Pulau Pinang berpotensi untuk muncul sebagai sebuah hub pelancongan perubatan di rantau ASEAN apabila berjaya menyumbang hampir dua pertiga dari hasil Malaysia (keseluruhan) dalam sektor tersebut.

"Pada 2009, Malaysia memperoleh sebanyak RM288 juta, di mana Pulau Pinang menyumbang sebanyak RM164 juta (57%). Manakala pada tahun 2010 sebanyak RM218 juta (66%) dan 2011 dijangka mencecah kepada RM250 juta.

"Malah, pada tahun 2010, Malaysia juga dinobatkan sebagai lima destinasi pelancongan perubatan terkenal di dunia. Ini jelas membuktikan peranan Pulau Pinang sebagai sebuah bandaraya perubatan yang unggul di mana pesakit dari rantau ASEAN ataupun antarabangsa datang ke sini untuk mendapatkan perkhidmatan yang bermutu dengan kos rawatan berpatutan," ujar beliau.

# Intergrasi sistem e-Rumah ditambahbaik

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**



**WONG Hon Wai (kanan sekali) dan Mohd. Shahril Muhamad Azmi (kiri) menunjukkan laman sesawang e-perumahan terbaru pada sidang media di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Mulai April lalu, intergrasi data-data hartanah Bahagian Perumahan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) telah ditambahbaikan.

Penambahbaikan sistem berintegrasi tersebut bukan sahaja membolehkan Bahagian Perumahan membuat semakan lebih ketat dan teratur, malah, turut membuktikan bahawa Kerajaan Negeri amat komited dalam membangunkan suatu sistem perkomputeran berintegriti dalam pentadbiran.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Perancangan Bandar dan Desa, Wong Hon Wai berkata, sistem intergriti data berkenaan adalah rentetan kempen pengemaskinian lalu.

Menurutnya, semua data hartanah telah diintergrasikan dan dipadukan dengan sistem data MPPP, MPSP dan PTG bagi membolehkan pemohon membuat semakan dan meneliti syarat-syarat permohonan.

"Intergrasi ini adalah bagi memastikan permohonan rumah kos rendah (KR), rumah kos sederhana rendah (KSR) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dapat diproses dengan teliti.

"Terdapat 29,289 pemohon aktif dalam Sistem Perumahan Secara Atas Talian (e-Rumah) selepas kita (Bahagian Perumahan) mengadakan 'data cleaning'.

"Daripada jumlah ini, 10% pemohon telahpun mempunyai hartanah sendiri dan mereka tidak akan ditawarkan rumah memandangkan kita akan beri keutamaan kepada mereka yang tidak mempunyai rumah lagi," ujar Hon Wai pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Penolong Setiausaha Kanan (Pembangunan dan Penempatan) Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri, Mohd. Shahril Muhamad Azmi.

Malah, katanya, dengan pengintergrasian yang dilakukan, ketelusan dalam pelaksanaan dan penawaran juga akan lebih teliti dan sistematik.

"Para pemohon yang tidak aktif tidak akan ditawarkan rumah sehingga pengemaskinian maklumat dilakukan. Sehingga April lalu, sejumlah 84,125 pemohon tidak aktif dicatatkan.

"Kebanyakan pemohon tidak mengemaskini maklumat peribadi sehingga menyebabkan surat-surat tawaran yang dikemukakan oleh pemaju terpaksa dikembalikan kerana pemohon telah berpindah dan ada juga telah meninggal dunia. Malah, ada juga yang tidak berminat kerana mereka mampu memiliki rumah kini," ujar Hon Wai.

# Kembalikan status pelabuhan bebas P. Pinang

**GEORGE TOWN –** "Saya harap hal ini jangan dipolitikkan demi kepentingan seluruh rakyat Pulau Pinang," tegas Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sebagai respon kepada kenyataan Pengerusi Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang, Teng Chang Yeow yang 'berhasrat' mahu mengembalikan status pelabuhan Pulau Pinang sebagai pelabuhan bebas seperti suatu ketika dahulu.

Guan Eng dalam sidang medianya turut berkata bahawa, status pelabuhan bebas boleh dikembalikan secepat mungkin walaupun sebelum pilihanraya umum ke-13 (PRU13).

"Kita (Kerajaan Negeri) tak nak (tidak hendak) ia akan tinggal janji kosong sahaja.

"Tidak kira sama ada BN menang Putrajaya ataupun PR (Pakatan Rakyat) menang Putrajaya, kita (Kerajaan Negeri) berharap agar status tersebut dapat dikembalikan secepat mungkin.

"Kerajaan Negeri akan bekerjasama dalam mengembalikan status pelabuhan bebas demi faedah dan kepentingan Pulau Pinang," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Malah, Guan Eng turut menegaskan bahawa sekiranya BN tidak tunaikan janji tersebut dan jika PR menang, PR akan merealisasikannya demi manfaat semua rakyat Pulau Pinang.

"Kita (Kerajaan Negeri) menggesa agar Kerajaan Persekutuan mengembalikan status tersebut sekarang, tidak perlu tunggu PRU13 kerana kita tidak mahu janji kosong," ujar Guan Eng yang turut menyatakan bahawa mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi telah banyak berjanji dengan rakyat Pulau Pinang antaranya mengadakan monorel dan jalanraya lingkaran luar, namun ia hanya tinggal janji.

Pelabuhan Pulau Pinang yang wujud sejak kurun ke-18 lagi merupakan salah sebuah pelabuhan bebas yang terkemuka, namun, status tersebut telah dibatalkan oleh BN (Gerakan) pada tahun 1969 sehingga meninggalkan kesan pada ekonomi negeri termasuk meningkatnya jumlah pengangguran pada ketika itu.

Sekiranya status pelabuhan bebas dikembalikan, Pulau Pinang bukan sahaja akan menerima kemasukkan pelabur-pelabur asing, malah, turut menjadi persinggahan sama ada melalui perdagangan mahupun pelancongan.

## Pasar Relau, Paya Terubong siap September

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**PAYA TERUBONG -** Projek pembinaan satu tingkat Kompleks Penjaja dan Pasar Sri Aman yang terletak di Persiaran Paya Terubong 3 dijangka siap sepenuhnya September tahun ini.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow, kompleks yang bakal menelan belanja kira-kira RM5 juta tersebut dibina di atas Lot 8779, 8780 dan 10236, Mukim 13, akan mula beroperasi menjelang penghujung tahun ini.

"Kompleks ini bakal menempatkan 37 buah gerai menjual makanan dan minuman serta 143 lot ruang bagi penjaja pasar.

"Kerajaan Negeri akan memastikan keselesaan dan kemudahan rakyatnya terjaga dan terjamin.

"Penyediaan kemudahan seperti ini (pasar awam) amatlah diutamakan terutama di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk seperti di Paya Terubong ini," ujar Kon Yeow yang mengadakan lawatan tapak di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin dan Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Felix Ooi Keat Hin.

Dalam pada itu, Pengerusi Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (*Real Estate and Housing Developers Association* – REHDA), Chan Fock Seng berkata, kompleks tersebut dibina di atas tanah berkeluasan 1.871 ekar atau 81,506 kaki persegi dan dilengkapi dengan ciri-ciri mesra alam sekitar.

"Selain menempatkan kemudahan mesra alam sekitar, kita (REHDA, pemaju dan Kerajaan Negeri) juga telah meneliti ciri-ciri hijau dalam pembinaannya.

"Ini termasuk penyediaan pusat kitar semula, pengudaraan asli dan penggunaan minimum jana kuasa. Kemudahan lain yang turut tersenarai adalah kemudahan parkir kenderaan (kereta dan motosikal), kemudahan lot pemunggah yang luas, tandas awam serta kemudahan laluan pejalan kaki," ujarnya.



**CHOW Kon Yeow (kiri sekali) sambil ditemani Yeoh Soon Hin (depan, dua dari kiri), Felix Ooi Keat Hin (depan, tiga dari kiri) dan Chan Fock Seng (dua dari kanan) menunjukkan pelan Kompleks Penjaja dan Pasar Sri Aman bersempena lawatan tapak di sini baru-baru ini.**



**MAIMUNAH Mohd. Sharif.**

## Dua panel WHC dari P. Pinang

**GEORGE TOWN** – Sejak 1988, buat pertama kalinya, Malaysia telah terpilih untuk menyertai dan menganggotai Jawatankuasa Warisan Dunia (*World Heritage Committee* – WHC) bagi tempoh 2012 hingga 2015.

Empat individu yang telah terpilih untuk menyertai WHC ialah Pesuruhjaya Warisan Negara, Profesor Zuraina Majid; ahli botani terkemuka yang juga ahli Akademi Sains Malaysia, Profesor Emeritus Dato' Abdul Latiff Mohamad; Timbalan Pesuruhjaya Warisan Negara yang juga pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Ghafar Ahmad dan bekas Pengurus Besar Perbadanan Georgetown Bandar Warisan Dunia yang kini merupakan Yang diPertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Sharif.

Dalam satu sidang media yang diadakan di sini, Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng mengucapkan tahniah atas pemilihan empat professional yang sememangnya arif dalam pemuliharaan tinggalan bersejarah.

"Kita (Kerajaan Negeri) berasa bangga apabila dua daripada empat individu yang terpilih adalah dari Pulau Pinang.

"Ini (pemilihan) menunjukkan bahawa Pulau Pinang sememangnya mempunyai kepakaran dalam warisan, apatah lagi negeri ini sendiri kini berstatus Bandaraya Warisan Dunia UNESCO," ujar Guan Eng pada majlis sidang media baru-baru ini.

Lanjutan itu, Guan Eng turut berasa bangga ekoran pemilihan Maimunah yang juga merupakan satu-satunya wakil kakitangan Kerajaan Negeri.

Dalam pada itu, Maimunah ketika ditemui menyatakan bahawa pemilihan tersebut bukan sahaja bakal memberi pengalaman baru kepada beliau, malah, juga bakal memberinya peluang untuk mempromosikan Pulau Pinang di peringkat antarabangsa

Beliau dan perwakilan terpilih akan menghadiri persidangan pertama WHC di Saint Petersburg, Rusia mulai 20 Jun sehingga 4 Julai ini.

# Semarakkan integriti, selesaikan skandal PKFZ RM12.6 bilion

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri Pulau Pinang Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng percaya bahawa forum ilmiah mengenai skandal Pelabuhan Bebas Cukai Klang (PKFZ) berjumlah RM12.6 bilion yang dianjurkan oleh *Penang Institut* (PI) baru-baru ini mampu menyemarakkan budaya integriti di negeri berkenaan.

Beliau berkata demikian semasa berucap dalam forum pelancaran buku "*PKFZ: A Nation's Trust Betrayed*" karya hasilan Datuk Lee Hwa Beng, iaitu bekas Pengerusi Lembaga Pelabuhan Klang (PKA) baru-baru ini.

"Jika tiada skandal-skandal besar seperti PKFZ ini, kita juga tidak perlu menghabiskan masa menulis buku serta mengadakan forum seperti sekarang ini.

"Apabila skandal penyelewengan nyata berlaku, buku '*PKFZ: A Nation's Trust Betrayed*' dan forum masih tidak mampu membawa mereka yang bersalah ke muka pengadilan.

"Hanya dengan budaya integriti yang hakiki dalam kalangan pemimpin negara dan rakyat sahaja mampu menyelesaikan skandal membabitkan pemimpin pusat ini," ucapnya pada Majlis Forum Pelancaran Buku "*PKFZ: A Nation's Trust Betrayed*" di sini baru-baru ini.

Selain Hwa Beng, Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Tony Pua turut tampil sebagai panelis pada forum kendalian moderator, Jahabar Sadiq (Ketua Editor di *The Malaysian Insider*).

Ketua Pegawai Eksekutif PI, Zairil Khir Johari turut menyertai majlis dihadiri hampir 100 hadirin itu.

Menurut Guan Eng, sekiranya urus tadbir kerajaan pusat khususnya di PKFZ dilakukan secara "Cekap, Akauntabel dan Telus" atau CAT sebagaimana diamalkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, skandal tersebut boleh diselesaikan secara integriti.

Tambah beliau, proses penjualan tanah Bayan Mutiara secara tender terbuka merupakan salah satu bukti Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengamalkan budaya integriti yang tulen.

Terdahulu, Kontroversi skandal PKFZ mulai menjadi perhatian sejak tahun 2007 lagi apabila dikaitkan dengan bekas Presiden MCA merangkap bekas Menteri Pengangkutan, Tun Dr. Ling Liong Sik.

Skandal yang pernah dirujuk ke mahkamah itu mendedahkan Liong Sik didakwa berjaya menipu seluruh kabinet kerajaan pusat semasa Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi perdana menteri.

Bekas Timbalan Presiden MCA merangkap bekas Menteri Pengangkutan, Tan Sri Chan Kong Choy turut didakwa berjaya menipu kabinet Malaysia seperti Liong Sik.

Namun, kontroversi skandal itu di sisi rakyat serta pihak pembangkang Pakatan Rakyat lebih dilihat sebagai salah satu simbol penyelewengan dan rasuah yang membabitkan pemimpin tententu dalam Barisan Nasional sendiri.




**(Dari kiri), JAHABAR Sadiq, Lee Hwa Beng, Ketua Menteri dan Zairil Khir Johari menyempurnakan gimik pelancaran buku '*PKFZ: A Nation's Trust Betrayed*' di sini baru-baru ini.**



**PARA anggota Pasukan Bomba Sukarela Jalan Raja Uda bergambar kenang-kenangan bersama Ketua Menteri dan Lim Hock Seng (barisan tengah, tiga dari kanan) di atas tapak yang bakal didirikan pusat khidmat pasukan terbabit di sini baru-baru ini.**

# Tanah RM1.2 juta untuk pasukan bomba sukarela

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**BUTTERWORTH –** Sebagai penghargaan komitmen Pasukan Bomba Sukarela Jalan Raja Uda kepada masyarakat setempat, Kerajaan Negeri telah menghadiahkan sebidang tanah seluas 31,000 kaki persegi bernilai RM 1.2 juta kepada pihak berkenaan di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y. A. B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri tidak mengenakan sebarang bayaran kepada Pasukan Bomba Sukarela Jalan Raja Uda yang menggunakan tanah tersebut demi kebaikan masyarakat setempat.

"Apa yang dilakukan Kerajaan Negeri adalah bagi menghargai mereka yang melaksanakan tugas menjaga kepentingan dan kebajikan rakyat," katanya pada Majlis Pecah Tanah Pusat Khidmat Pasukan Bomba Sukarela Jalan Raja Uda di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Lim Hock Seng.

Bagi menempatkan jentera-jentera bomba dan operasi pejabat, sebuah pusat khidmat satu tingkat bakal didirikan di tapak berkenaan.

# Tindakan Perkasa dikutuk

**GEORGE TOWN –** Tindakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) yang telah menimbulkan suasana tegang di hadapan kediaman Ketua Menteri dan sekitar kompleks pentadbiran Kerajaan Negeri, Komtar baru-baru ini dikutuk sebagai memalukan serta menyedihkan.

Timbalan Ketua Menteri I yang juga merangkap Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri Parti Keadilan Rakyat (PKR) Pulau Pinang, Datuk Mansor Othman berkata, tindakan liar yang berlaku telah menganggu-gugat suasana keharmonian keluarga Ketua Menteri yang turut mempunyai anak kecil berusia lima tahun.

"Kenapa di kediaman? Sebarang ketidakpuasan boleh dizahirkan di pejabat dan bukannya di rumah yang mana mampu menggugat keharmonian kekeluargaan.

"Ia adalah tindakan yang tidak patut berlaku dalam politik Malaysia yang mana sedang menuju ke arah pendemokrasian dan juga tidak sepatutnya dibiarkan berlarutan," katanya pada sidang media bagi mengulas demonstrasi yang diadakan di kediaman Ketua Menteri dan berlarutan ke Komtar di sini baru-baru ini.



**(Dari kanan), ABDUL Malik Abul Kassim, Mohd. Salleh Man, Mansor Othman dan Law Choo Kiang menunjukkan keratan akhbar laporan demonstrasi Perkasa di hadapan kediaman Ketua Menteri dan bangunan Komtar pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang juga merangkap Naib Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri PKR Pulau Pinang, Abdul Malik Abul Kassim, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Tebatan Banjir yang juga Timbalan Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri PKR Pulau Pinang, Law Choo Kiang dan Ahli Dewan Undangan Negeri Permatang Pasir yang juga merangkap Pesuruhjaya PAS Pulau Pinang, Datuk Mohd. Salleh Man.

Tambah Mansor, tindakan Perkasa yang menggantung sekalung bunga (menyerupai pengebumian masyarakat berketurunan India) pada potret Ketua Menteri adalah dianggap satu ugutan dan ia tidak boleh dipandang ringan.

"Tindakan ini merupakan tindakan tidak beradap dan jauh dari tatasusila kehidupan masyarakat Melayu yang menjunjung tinggi adab sopan. Adalah sangat tidak wajar sekiranya badan yang mengaku membela Melayu gagal memahami nilai serta budaya yang diamalkan masyarakat Melayu," tegas beliau.

Dalam pada itu, Mohd. Salleh memberitahu bahawa tindakan Perkasa adalah sesuatu yang mengejutkan.

"Saya minta mereka (Perkasa) hentikan kerana tindakan sedemikian kadang-kadang menimbulkan persepsi yang menjurus kepada sentimen perkauman.

"Perkasa dilihat seolah telah kehabisan modal unntuk mengetengahkan dengan cara baik berhubung tuntutan-tuntutan mereka," ujarnya.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang

# SISTEM e-PINJAMAN PENUNTUT



## PERMOHONAN PINJAMAN PENDIDIKAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

**Peringatan !**
**Unit Pinjaman Penuntut/Biasiswa tidak melantik mana-mana agen untuk mengutip atau memberi bayaran. Sebarang urusan hendaklah melalui Unit Pinjaman Penuntut, Tingkat 29, KOMTAR.**

Pinjaman Pendidikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang diwujudkan pada tahun 1970 bertujuan untuk memberi pinjaman pendidikan tinggi kepada warganegara Malaysia yang lahir atau menerima sebahagian daripada pelajaran mereka di Pulau Pinang.

### SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- Pemohon dilahirkan di Pulau Pinang atau sekurang-kurangnya bersekolah selama 5 tahun di Pulau Pinang.
- Ditawarkan tempat di Universiti / Institut Pengajian Tinggi (IPT). Bagi pemohon dari Institusi Pengajian Tinggi Swasta, kursus yang diikuti hendaklah diluluskan oleh MQA (Malaysian Qualification Agency /Agensi Kelayakan Malaysia).
- Pinjaman untuk kursus yang bertaraf Sijil, Diploma, Diploma PJJ, Ijazah Pertama, Ijazah PJJ, Sarjana dan PHD.
- Pemohon yang sedang mengikuti kursus PraUniversiti / Matrikulasi tidak layak memohon.
- Pinjaman Kali Ke-2 hanya ditawarkan kepada peminjam yang telah menyelesaikan bayaran balik pinjaman pertama.
- Permohonan adalah secara online.
- Sila lampirkan dokumen-dokumen yang telah **DISAHKAN BENAR** seperti berikut : :
  1. Salinan Kad Pengenalan dan Surat Beranak/Sijil Kelahiran
  2. Salinan Surat Tawaran Kemasukan Dari Universiti/Institusi
  3. Salinan Sijil Berhenti Sekolah, dan Surat Akaun (Testimonia)
  4. Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPMV) dan lain-lain sijil yang setaraf
  5. Salinan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan lain-lain sijil yang setaraf (Jika Ada)
  6. Salinan Sijil Politeknik/Diploma/Ijazah dan sebagainya (Jika Ada)
  7. Salinan Keputusan Matrikulasi/Asasi Sains (Jika Ada)
  8. Salinan Keputusan Peperiksaan bagi Tiap-tiap Tahun Akademik Penggal/Semester (Jika Ada)
  9. Pelajar dari Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) hendaklah mengemukakan salinan surat kelulusan kolej dan kursus yang dikeluarkan MQA (Malaysia Qualification Agency/Agensi Kelayakan Malaysia). (salinan tersebut boleh diperolehi dari IPTS berkenaan)
- Jumlah pinjaman yang ditawarkan mengikut taraf kursus:

| | |
|---|---|
| Ijazah Sains | RM 5,000 setahun |
| Ijazah Sastera | RM 4,000 setahun |
| Diploma Lanjutan Sains | RM 5,000 setahun |
| Diploma Lanjutan Sastera | RM 4,000 setahun |
| Diploma | RM 3,000 setahun |
| Sijil | RM 2,000 setahun |

- Pinjaman juga diberikan kepada Pelajar Pengajian Jarak Jauh dan Luar Kampus dengan kadar:

| | Kadar (Setahun) | Jangkamasa (Maksimum) |
|---|---|---|
| Ijazah (Sains) | RM 4,500 | 5 tahun |
| Ijazah (Sastera) | RM 3,500 | 4 tahun |
| Diploma | RM 2,000 | 3 tahun |

- Pinjaman kepada pengajian peringkat Sarjana dan PhD (pengajian dalam negeri sahaja):

| | Kadar (Setahun) | Jangkamasa (Maksimum) |
|---|---|---|
| Sarjana | RM 5,000 | 3 tahun |
| PHD | RM 5,000 | 3 tahun |

- Faedah yang dikenakan 2% (setahun) selama 5 tahun
- Dua(2) Orang Penjamin Bergaji RM1,000 ke atas diperlukan apabila Surat Perjanjian ditandatangani.
- Permohonan boleh dibuat secara *Online* di Laman Web berikut : http://epp.penang.gov.my
- Tarikh Buka Permohonan: 2 Mei, setiap tahun.
- Tarikh Tutup Permohonan: 31 Julai, setiap tahun
- Sila pastikan anda mengisi permohonan pinjaman dalam tempoh 3 hari selepas pendaftaran. Kemaskini borang adalah **3 HARI** dari tarikh pendaftaran dibuat. Sila **CETAK** borang permohonan yang telah diisi beserta dokumen-dokumen berkenaan yang telah **DISAHKAN** dan dihantar dalam tempoh **2 MINGGU** dari tarikh permohonan dihantar secara online ke alamat berikut:

**LEMBAGA TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT**
**NEGERI PULAU PINANG,**
**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI,**
**PARAS 29, KOMTAR,**
**10503 PULAU PINANG**

# Lampu isyarat lintasan serentak dibina

Oleh **ZULIANA AZIZ**

**GEORGE TOWN** – Demi keselamatan para pejalan kaki, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah mengambil inisiatif khas untuk membina lampu isyarat lintasan serentak, '*scramble junction*' yang pertama di bahagian pulau negeri ini di sini baru-baru ini.

Lampu isyarat yang dipasang adalah bagi memudahkan orang ramai melintas di Jalan Ria dan Lebuh Tek Soon dalam tempoh masa serentak, sekaligus meningkatkan keselamatan pengguna di kawasan berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow berkata, pemasangan lampu isyarat pejalan kaki tersebut menelan belanja sebanyak RM129,405 secara keseluruhan, di mana kos RM84,850 digunakan untuk pemasangan lampu isyarat, manakala RM41,555 untuk laluan pejalan kaki.

"Dalam pada itu, RM3,000 pula digunakan untuk pemasangan papan tanda dan garisan lalulintas," katanya semasa hadir merasmikan Majlis Lintasan Pejalan kaki Berlampu Isyarat di sini.

Hadir sama, Yang DiPertua (YDP) MPPP, Ar. Patahiyah Ismail serta beberapa Ahli Majlis MPPP.

Tambah Kon Yeow, kerja-kerja pemasangan bermula pada Februari lalu. Bagi melengkapkan penggunaan kemudahan tersebut, MPPP juga telah mendapatkan khidmat nasihat pihak Universiti Sains Malaysia (USM) OKU Cluster berhubung keperluan golongan orang kurang upaya (OKU).

Jelas beliau, lampu isyarat pejalan kaki terbabit turut diselaraskan dengan lampu isyarat sedia ada di persimpangan Jalan Ria/Jalan Magazine dan boleh diubahsuai fasanya mengikut permintaan.

"MPPP akan membuat penyelarasan masa untuk pelintas jalan dari semasa ke semasa untuk penambahbaikan bagi meningkatkan keselesaan dan keselamatan pejalan kaki serta kelancaran lalulintas," ujar beliau.




**BEBERAPA** pengguna menggunakan lintasan pejalan kaki berlampu isyarat yang telah siap dibina di sini baru-baru ini.



| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PENANTI**<br>YB Dato' Mansor Othman<br>mansor@penang.gov.my | (T) 04 - 522 1463<br>(F) 04 - 522 1463 |
"Sebanyak RM20 juta telah diperuntukan bagi kerja-kerja menaiktaraf seperti taman komuniti atau riadah. Malah, tandas awam dan pasar awam juga dinaiktaraf berkonsepkan selamat dan sihat. Di samping itu, adalah salah satu alternatif Kerajaan Negeri bagi mempromosikan kempen gaya hidup sihat,'' katanya selepas merasmikan Majlis Menaiktaraf Taman Kejiranan dan Rukun Tetangga Guan Joo Seng baru-baru ini di sini.

Menurut Kon Yeow, kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan dapat dijalankan dengan lebih berkesan dengan adanya beberapa jabatan di bawah MPPP seperti Jabatan Perancangan Bandar dan Pembangunan (Unit Landskap).

"Taman Guan Joo Seng atau lebih dikenali sebagai Taman Jepun dalam kalangan penduduk tempatan umpamanya dipilih kerana pada setiap hujung minggu, pelbagai aktiviti komuniti yang meriah diadakan di sini.

"Bukan sahaja kerja menaiktaraf, tetapi usaha memperbanyakan pemasangan lampu akan turut dilakukan agar penduduk dapat melakukan aktiviti kecergasan dalam suasana lebih selesa," ujarnya.

# Larangan guna polisterin dikuatkuasa November depan – MPPP



ONG Ah Teong (kanan) dan Lim Cheng Hoe menunjukkan mangkuk tepen yang digalakkan penggunaannya.

**GEORGE TOWN –** Kempen "Pulau Pinang Tanpa polisterin" diteruskan dengan langkah penguatkuasaan undang-undang seperti mengeluarkan kompaun hatta membatalkan lesen perniagaan bagi premis perniagaan yang masih menggunakan bekas makanan mesra barah, iaitu polisterin bermula paling awal pada November depan.

Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ong Ah Teong berkata, langkah penguatkuasaan itu adalah fasa ketiga kempen.

Menurut beliau, fasa ketiga tersebut akan dilaksanakan selepas fasa pertama, iaitu kempen kesedaran serta nasihat dan fasa kedua, iaitu langkah mengeluarkan notis amaran benar-benar dilaksanakan di peringkat akar umbi.

"Kempen ini memang tidak popular sekarang tetapi dapat mengelakkan generasi akan datang dari mengidap (barah) yang tidak diingini.

"Fasa ketiga akan masuk (kompaun atau tarik lesen perniagaan) pada pembekal, pemborong dan peruncit. Ramai yang mengadu, mengapa tiada penguatkuasaan ke atas pembekal dan pemborong," ujar beliau pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Dua ahli Majlis lain, Lim Cheng Hoe dan Lim Siew Khim turut hadir pada sidang media yang sama di Dewan Bandaraya, di sini.

Beliau berkata, mesyuarat Majlis baru-baru ini telahpun bersetuju memasukkan perkara menarik lesen premis perniagaan yang masih menggunakan polisterin sebagai syarat tambahan dalam Seksyen 27(2) Akta Kerajaan Tempatan bagi merealisasikan kempen murni ini.

Menurut beliau, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) juga turut melaksanakan kempen murni berkenaan.

Pun begitu, langkah proaktif MPPP ini dijangka bakal menjejaskan prospek perniagaan 13 pengeluar polisterin di negeri ini.

Namun beliau berkata, inisiatif Majlis ini lebih menguntungkan kesihatan generasi masa depan kerana bebas dari penyakit barah berbanding dengan kerugian material yang bakal dialami oleh pengeluar-pengeluar polisterin berkenaan.

"Mereka (pengeluar polisterin) bukan hanya menjual polisterin sahaja, mereka menjual produk-produk lain juga, mereka masih boleh menjual (polistrin) di 13 negeri lain sungguhpun di Pulau Pinang tidak dibenarkan lagi.

"Harga satu (bekas makanan) polisterin mungkin beberapa sen sahaja tetapi harga nyawa generasi masa depan Pulau Pinang lebih mahal jika bebas dari penyakit barah," ujarnya.

Dalam perkembangan yang sama, beliau berkata, Majlis turut melarang penggunaan polisterin berwarna perang yang kononnya bahan kitar semula serta mesra alam.

"Mana ada kitar semula polisterin (warna perang). Kita (MPPP) tidak menggalakkan polisterin kerana ia akan merosakkan alam sekitar kerana ia tidak boleh diuraikan selama 500 tahun atau dikitar semula," ujar beliau.

Tuntas dari itu, beliau mencadangkan rakyat Pulau Pinang mengamalkan konsumerisme dengan menggunakan "mangkuk tepen" atau bekas makan berasaskan aluminium.

"Paling baik, menggunakan bekas (makanan) aluminium, inilah yang terbaik kerana kekal guna (konsumerisme)," ujarnya.

# Daftar kayuhan amal 16 Jun

Oleh : **ZULIANA AZIZ**

GEORGE TOWN – Kepada peminat sukan berbasikal, jangan lepaskan peluang untuk turut serta dalam acara kayuhan amal *Gurney Paragon X-Ride 2012* yang bakal berlangsung pada 7 Oktober ini.

Acara kayuhan yang dijangka berlangsung selama lima jam sejauh 50 kilometer (km) adalah bermula di Gurney Paragon menuju Bukit Bendera melalui jalan tar dan kemudiannya turun semula dari Balik Pulau, Bukit Harimau dan kembali ke Gurney Paragon. Malah, penyertaan adalah terhad kepada 1,000 peserta sahaja.

Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi berkata, *Gurney Paragon X-Ride 2012* adalah bertujuan mempromosikan keseronokan berbasikal serta gaya hidup sihat dalam usaha ke arah menjadikan Pulau Pinang lebih bersih dan hijau.




**LYDIA Ong Kok Fooi (barisan belakang, enam dari kiri) dan Pengarah Urusan Hunza Properties Berhad, Daisy Ooi Lay See (barisan belakang, lima dari kanan) bersama ahli jawatankuasa penganjur dan penganjur menunjukkan poster dan lakaran t-shirt kayuhan amal *Gurney Paragon X-Ride 2012* di sini baru-baru ini.**

"Selain itu, bagi menjadikan program ini lebih bermakna, sebahagian daripada hasil kutipan pendaftaran akan didermakan kepada badan-badan kebajikan yang memerlukan," ujar beliau pada sidang media di sini baru-baru ini.

Kata Kok Fooi, syarikat pemaju, Hunza Properties (Penang) Sdn. Bhd. merupakan penaja utama bagi program tersebut dan dibantu Kelab Pemilik Motor KTM Wilayah Utara.

"Program ini juga mendapat sokongan daripada Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti Negeri Pulau Pinang dengan sokongan gabungan daripada beberapa agensi Kerajaan Negeri serta badan-badan lain berkaitan," tambah beliau lagi.

Pendaftaran akan dibuka pada 16 Jun 2012 dan yuran sebanyak RM70 dikenakan kepada setiap peserta. Pendaftaran secara online juga boleh dibuat di *HYPERLINK "http://howei.com.my/event/gurney-paragon-x-ride-2012"http://howei.com.my/event/gurney-paragon-x-ride-2012*. Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi talian 04 – 228 8266.

# Gelanggang bola keranjang Taman Lumba Kuda dinaiktaraf

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Penaiktarafan gelanggang bola keranjang serta peralatan rekreasi di Taman Lumba Kuda di sini menjadi satu lagi bukti Kerajaan Negeri Pulau Pinang prihatin dengan keperluan generasi muda di negeri berkenaan.

Demikian kenyataan Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng semasa merasmikan gelanggang dan satu perlawanan persahabatan bola keranjang di sini baru-baru ini.

Isteri Ketua Menteri Pulau Pinang, Betty Chew Gek Cheng turut menyertai majlis perasmian yang dihadiri hampir 100 rakyat tempatan.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Jason Ong Khan Lee dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Lumba Kuda, Kenny Tay.

Guan Eng berkata, projek penaiktarafan itu menelan belanja hampir RM25,000.

Difahamkan, RM8,000 adalah sumbangan pejabat ADUN Air Putih sendiri manakala baki RM17,000 adalah sumbangan beberapa pihak korporat sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) masing-masing.




**SEORANG kanak-kanak ditemani ibunya keli-hatan ceria bermain bola keranjang pada Majlis Perasmian Gelanggang Bola Keranjang JKKK Taman Lumba Kuda dan Perlawanan Persahabatan di sini baru-baru ini.**

Penaiktarafan tersebut membabitkan tukar ganti tiang bola keranjang, lampu-lampu di sekitar taman serta alat senamrobik kekal di taman tersebut.

JKKK Taman Lumba Kuda dilantik serta diberi tanggungjawab untuk menyelia kemudahan awam tersebut.

Sebarang informasi lanjut atau urusan menyewa gelanggang tersebut, boleh menghubungi Kenny pada nombor 012- 473 7354.

# Ibu Air Putih dihargai

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**TERIMA KASIH IBU...** Bagi menghargai jasa dan pengorbanan para ibu, sejumlah 1,000 kuntum bunga teluki telah diedarkan di kawasan sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Air Putih di sini baru-baru ini.



**(Dari kiri), RADZIAH Mokhtar, Zaharah Ibrahim dan K. Kalaivani menunjukkan kuntuman bunga teluki yang diterima daripada Ketua Menteri sempena sambutan Hari Ibu di DUN Air Putih di sini baru-baru ini.**

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih yang juga Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng berkata, kegigihan ibu dalam mendidik anak-anak amat dikagumi.

"Segala jasa ibu tak (tidak) mungkin dapat dibalas. Kasih ibu membawa ke syurga," ungkap Guan Eng kepada Buletin Mutiara di sini.

Bersempena sambutan tersebut, beliau turut melawati beberapa kedai kopi sekitar Air Putih dan pasar awam Kampung Bharu bagi menyantuni para ibu di kawasan sekitar.

Bagi tiga sekawan yang sering meluangkan masa bersama, Zaharah Ibrahim, 54; K. Kalaivani, 54 dan Radziah Mokhtar, 56, turut teruja apabila menerima sendiri bunga teluki daripada Ketua Menteri.

Selain itu, Ketua Menteri juga menyerahkan sumbangan bernilai RM1,000 kepada salah seorang ahli Pasukan Peronda Sukarela, Chong Siew Tong yang kehilangan anak lelakinya, Cong Jit Tung, 21, dalam suatu kemalangan baru-baru ini. Turut disumbangkan adalah apron kepada para penjaja di pasar awam Kampung Bharu di sini.

# ‘Anggur organik Balik Pulau’ istimewa

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PERCAYA** atau tidak, baka anggur yang biasa hidup di negara sejuk seperti Jerman boleh ditanam dan berbuah di Kampung Permatang Pasir, Balik Pulau.

Rasa buah eksotik itu cukup istimewa, seolah-olah diimport dari benua Eropah yang menempuhi empat musim, iaitu musim panas, musim luruh, musim sejuk dan musim bunga.

Lebih dua tahun, pelantar penyelidikan dibangunkan oleh Syarikat BP Gemilang dengan kerjasama sekumpulan pakar penyelidik dari Pusat Pengajian Teknologi Industri, Universiti Sains Malaysia (USM).

Segala yang diusahakan, akhirnya membuahkan hasil yang cukup istimewa.

Abu Hanifah selaku pengarah urusan syarikat tersebut memberitahu, kombinasi teknologi pertanian moden dan baja organik membolehkan pokok anggur baka Jerman itu boleh meramahi iklim panas dan lembab di Balik Pulau ini.



**ABU Hanifah (kanan sekali) bersama rakan-rakan menunjukkan ‘anggur organik Balik Pulau’.**

“Anggur Balik Pulau ini cukup istimewa kerana ia berbuah dalam iklim yang panas dan lembab.

“Kita betul-betul tanam pokok anggur baka Jerman ini dengan menggunakan baja organik. Kita nak lihat anggur ini boleh menerima atau tidak perubahan iklim panas dan lembab di Balik Pulau sebab anggur lazimnya boleh hidup di negara-negara yang mempunyai cuaca sejuk seperti Jerman,” ujar beliau kepada Buletin Mutiara.

Beliau berkata, sungguhpun anggur lebih mesra dengan iklim dingin, namun, iklim panas akan memaniskan rasa buah eksotik itu.

“Bunga anggur sebenarnya tumbuh pada musim bunga. Anggur masak dan paling manis pasa (iklim) panas,” ujar beliau lagi.

Difahamkan, anggur yang tumbuh di pelantar ujian ini ada dua jenis. Pertama, anggur kehitam-hitaman yang berperisa manis.

Kedua, beliau berkata, anggur berperisa seakan buah strawberi. Anggur jenis ini adalah hasil beberapa baka yang dikacukkan oleh kumpulan penyelidik berkenaan.

Ladang mini anggur itu diusahakan bersama seorang rakan karib, yang mesra dengan panggilan “Abang Ali”.

Abang Ali ini dikenali sebagai penanam herba mahir. Macam-macam herba dapat dilihat di ladang mini tersebut, selain ‘anggur Jerman’.

Abang Ali berkata, pertanian moden hari ini lebih menggunakan baja organik berbanding baja kimia demi memelihara kesihatan pengguna.

Melihat pada kesedaran itu, beliau berkata, BP Gemilang turut mengkomersialkan jenama baja organik tersendiri, iaitu EcoKompos.

“Anggur ini ditanam secara organik. Kami menggunakan baja organik ini sebab selamat untuk tubuh badan kita.

“Setakat ini, baja pun kita jual. Selepas ini, mungkin benih (anggur) pun kita akan cuba bekal selain perniagaan anggur ini boleh dikembangkan,” ujarnya.

Abu Hanifah berkata, setakat ini, pelantar penyelidikan anggur Balik Pulau ini masih kecil dan tidak mampu memenuhi permintaan pengunjung.

“Kita memang merancang untuk membuka ladang anggur secara besar-besaran di negeri ini.

“Kita memerlukan tanah pertanian dan sokongan kewangan yang lebih besar jika ladang anggur ini tak mustahil boleh menjadi agro-pertanian di negeri ini.

“Pulau Pinang telahpun diiktiraf sebagai antara destinasi pelancongan terbaik dunia. Kehadiran ‘Anggur Balik Pulau’ ini akan menjadi mungkin melonjak negeri sebagai negeri agro pelancongan kelak,” ujarnya.

***Info lanjut atau urusan tempahan baja organik, hubungi :***

Abu Hanipah 019 – 691 7514.



**ABU Hanifah (berkopiah) bersama Abang Ali menunjukkan bahan organik yang sedang diproses menjadi baja untuk kegunaan pertanian moden termasuk tanaman ‘anggur organik Balik Pulau’.**




**ABANG Ali mempromosikan baja organik ‘EcoKompos’ yang selamat untuk pertanian moden.**

# Diintip tonto tak patah misi capai Konsep Bandar Selamat



AZMAN Sirun.

**BERWATAKAN** sederhana dan peramah membuatkan jejaka berbintang *Scorpio* ini mudah didekati. Dilahirkan pada 4 November 1976 di Bukit Mertajam, beliau menjadikan kata-kata dan nasihat ibu dan ayah sebagai pendorong untuknya memberikan yang terbaik dalam apa jua yang dilakukan.

Ikuti temubual wartawan Buletin Mutiara (BM), **AINUL WARDAH SOHILLI** dan **DANNY OOI ENG KEAT** bersama anak jati Pulau Pinang, Penolong Pengarah (Penguatkuasa) Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Azman Sirun di pejabatnya di Direktorat Penguatkuasa, Jabatan Korporat, MPPP Jalan Timah di sini baru-baru ini.

**BM : Boleh Encik Azman berkongsi sedikit tentang latar belakang dan bidang kerja sebagai Penolong Pengarah (Penguatkuasa)?**

**AZMAN:** Saya mempunyai kelulusan dalam bidang Sains Kemasyarakat (Ekonomi dan Sains Politik) dari Universiti Sains Malaysia. Sebelum berkhidmat dengan MPPP pada tahun 2005, saya pernah berkhidmat sebagai Penghulu di Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya. Memang mencabar apabila mula-mula berkhidmat dengan Bahagian Penguatkuasa yang kemudiannya ditukar menjadi Direktorat Penguatkuasa pada November 2011.

Direktorat Penguatkuasa MPPP mempunyai enam fungsi iaitu Unit Operasi yang menguruskan perobohan, penyitaan, mengalihkan halangan dan tindakan sumari. Segala barang rampasan atau yang disita akan berada di bawah Fungsi Unit Setor. Fungsi Unit Kawalan Pantai pula memantau aktiviti penguatkuasaan di pantai termasuk aktiviti berkuda dan *quadbike*. Kemudian Fungsi Unit Pentadbiran dan Kewangan menguruskan hal pembangunan sumber manusia. Fungsi Unit Rondaan Zon pula menguatkuasa kawalan di kawasan parkir. Paling popular ialah Fungsi Unit Trafik yang mengambil tindakan mengapit, menunda dan mengawal lalulintas. Semua fungsi-fungsi ini mempunyai kekuatan tenaga kerja 291 orang yang menjalankan aktiviti penguatkuasaan di kawasan pulau dari jam 8 pagi hingga 10.00 malam.

**BM : Apakah cabaran sebagai Penguatkuasa?**

**AZMAN:** Ekspektasi masyarakat. Itu paling utama. Masyarakat mengharapkan penyampaian perkhidmatan yang berkesan dan cepat. Jadi di situlah cabaran yang digalas oleh Penguatkuasa MPPP. Bukan mudah kita nak puaskan hati semua pihak. Tambahan pula, Penguatkuasa ni (ini) sentiasa menjadi tumpuan. Ada saja anggapan yang kata kami (Penguatkuasa) tidak cekap, walhal segala tindakan adalah tertakluk pada peraturan-peraturan dan akta-akta di bawah Akta Kerajaan Tempatan.

Keduanya, pengurusan staf. Kami di sini mengamalkan semangat berpasukan dan organisasi berpelajaran. Bukan senang apabila berhadapan dengan karenah masyarakat yang pelbagai. Ada dalam kalangan staf wanita umpamanya diugut dan dilemparkan pelbagai kata-kata cacian. Jadi di sini kita akan mengadakan mesyuarat berkala untuk membincangkan sebarang masalah yang dihadapi. Kita juga akan pupuk semangat dan kekuatan dari segi mental dan fizikal kerana sebagai Penguatkuasa, kerja tidak tentu masa dan pelbagai risiko kita hadapi dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab.

Ketiga, cabaran masa. Pengurusan masa sebagai Penguatkuasa adalah mutlak. Tanpa mengenal masa, kita kena sedia berkhidmat. Contohnya, kejadian ribut di Kampung Terang, Balik Pulau. Jam 4 pagi saya sudah terima panggilan. Jadi kita kena ada kekuatan mental dan fizikal. Penguatkuasa ini umpama '*back up*' atau sokongan kepada semua agensi-agensi kerajaan. Kalau ada kecemasan kita sedia berkhidmat selaras dengan amalan '*no wrong door policy*' di mana semua jenis aduan atau apa sahaja harus diambilberat dan bersiap siaga.

**BM : Sebagai Penolong Pengarah (Penguatkuasa), apakah yang memotivasikan Encik Azman untuk terus melaksanakan tugasan harian, memandangkan Encik Azman ada menyatakan bahawa tugas Penguatkuasa ini amat berisiko dan memerlukan kekuatan mental?**

**AZMAN**: Berfikiran positif dan nasihat ibu dan ayah saya menjadikan saya bersemangat untuk memberikan yang terbaik kepada rakyat Pulau Pinang. walau apa jua kita lakukan, lakukan dengan amanah dan penuh tanggungjawab. Amanah tidak dapat dilaksanakan seorang diri, perlukan semangat berpasukan. Jadi, saya memang seronok dan bersemangat kerana setiap hari saya akan berdepan dengan cabaran baru dalam kerja.

Selain itu, semangat kerja dan semangat sepasukan Penguatkuasa di sini membuatkan saya berkeupayaan melaksanakan tanggungjawab.

**BM : Mungkin Encik Azman ada pengalaman yang ingin dikongsikan bersama Buletin Mutiara?**

**AZMAN**: Di Pulau Pinang ini, kerja sebagai Penguatkuasa membuatkan kita sentiasa menjadi tumpuan. Saya sendiri pernah menyertai beberapa operasi. Dari situ ada 'geng-geng tonto' yang mengekori gerak-geri saya. Malah hampir setiap hari, ada saja tonto yang akan 'berjaga' berdekatan pejabat saya. Namun, mereka hanya mengintip pergerakan saya. Tidak ada tindakan lain. Cuma kita kena berjaga-jaga.

**BM : Yang terakhir, mungkin Encik Azman nak kongsi harapan buat tatapan pembaca Buletin Mutiara?**

**AZMAN**: Sepanjang saya di MPPP banyak yang saya lalui. Alhamdulillah, penerimaan masyarakat dan kerjasama semakin baik. Kita di Penguatkuasa sentiasa ingin memberi yang terbaik selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri yang ingin menjadikan Pulau Pinang sebagai bandaraya bertaraf antarabangsa. Malah, suatu kebanggaan apabila MPPP hakikatnya setaraf Dewan Perbandaran. Oleh itu, saya amat berharap agar rakyat Pulau Pinang memahami tanggungjawab Penguatkuasa. Penguatkuasa sentiasa ingin memastikan Pulau Pinang bukan sahaja menjadi negeri yang selamat untuk dihuni malah selamat dikunjungi selaras dengan Konsep Bandar Selamat yang dipelopori oleh MPPP. Wujudkan perasaan cintakan negeri, insyaAllah saya pasti Pulau Pinang mampu memimpin dalam semua perkara.




RISIKO dan cabaran adalah rencah sebagai Penguatkuasa – Azman Sirun.

# Teknologi jimat kertas mesyuarat MPPP

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN -** Inisiatif Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) menggunakan tablet iPad pada Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) di Dewan Persidangan Majlis Perbandaran, Padang Kota baru-baru ini telah berjaya menjimatkan hampir 1,500 keping kertas.

Yang Dipertua Majlis MPPP, Ar. Patahiyah Ismail berkata, dalam komitmen untuk menjaga dan menyelamatkan alam sekitar, pihak MPPP mencari satu alternatif bagi menjimatkan penggunaan kertas yang banyak pada setiap mesyuarat bulanan yang diadakan.

"Ianya adalah hari amat bermakna apabila MPPP tidak lagi menggunakan sebarang kertas untuk membentangkan minit mesyuarat, sekaligus dapat menjimatkan hampir 1,500 keping penggunaan kertas dalam satu-satu masa," katanya pada sidang media selepas selesainya MBM di sini baru-baru ini.

Menurut Patahiyah, dengan penggunaan teknologi digital bagi membentangkan minit mesyuarat, ia diyakini dapat menambahbaik perkhidmatan dengan lebih cepat dan berkesan memandangkan kos kertas adalah mahal kini.

"Penggunaan iPad bukan terhad kepada Ahli Majlis MPPP sahaja, tetapi kesemua ketua jabatan MPPP juga sudah mula menggunakannya," ujarnya sambil menjelaskan bahawa seramai 24 Ahli Majlis MPPP telah menerima iPad pada April lalu.



**PATAHIYAH Ismail (tiga dari kanan) bersama sebahagian Ahli Majlis MPPP menunjukkan iPad masing-masing selepas selesainya MBM baru-baru ini di sini.**

Dalam pada itu, Ahli Majlis, Tahir Jalaludin mengucapkan tahniah kepada MPPP kerana menjadi pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama mempelopori penggunaan tablet berkenaan.

"Melalui kemudahan iPad yang diberikan ini, ia bukan sahaja memudahkan kerja kami, malah, kerja menjadi lebih cepat.

"Contohnya, jika sebelum ini pada proses temuduga perlesenan, MPPP terpaksa mengambil masa dari pagi sampai ke petang untuk mencatatkan keputusan melalui kertas tetapi dengan adanya teknologi ini, keputusan meluluskan lesen dapat dipercepatkan," ujarnya kepada Buletin Mutiara di sini.

## MPSP galak aduan melalui emel

Oleh : **ZULIANA AZIZ**



**SOON Lip Chee menunjukkan surat aduan berformat yang disediakan pihak MPSP.**

**SEBERANG PERAI –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menggalakkan orang ramai mengguanakan teknologi internet iaitu emel untuk mengemukakan sebarang maklum balas ekoran cara tersebut dilihat lebih efektif, ringkas serta mudah difahami.

Ahli Majlis MPSP, Soon Lip Chee berkata, berdasarkan statistik pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan, orang ramai lebih cenderung mengemukakan aduan dengan menggunakan talian telefon berbanding internet dan emel yang lebih mudah dan ringkas.

"Malah, terdapat juga sebilangan kecil iaitu kira-kira 10 peratus orang awam menggunakan surat untuk mengemukakan aduan masing-masing. Namun, medium tersebut dilihat kurang berkesan kerana tidak ramai yang tahu mengenai format yang betul untuk menulis surat rasmi bagi tujuan terbabit.

"Justeru, kami (MPSP) lebih menggalakkan penggunaan emel selaras dengan misi Kerajaan Negeri dalam menujuk era digital," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Menurut Lip Chee, sepanjang tempoh empat setengah tahun beliau dilantik sebagai Ahli Majlis, pelbagai aduan diterima berkaitan kebersihan parit, sampah tidak dikutip, rumput tidak dipotong, jalan raya dan lampu isyarat rosak, lampu jalan tidak menyala, operasi kilang secara haram, premis makanan kotor, kekurangan tapak parkir, pokok tua atau tumbang dan lain-lain.

"Lazimnya, pihak MPSP mengambil inisiatif untuk menyelesaikan setiap aduan diterima walaupun terdapat beberapa kes yang masih aktif dan sedang dalam siasatan.

"Dalam pada itu, saya turut berterima kasih kepada orang awam kerana melalui aduan yang diterima, ia secara tidak langsung mempertingkatkan dan membawa perkhidmatan MPSP ke tahap yang lebih cemerlang," jelas beliau.

## MPPP tuan rumah Forum TPO ke-5




**MODEL-model mengenakan pakaian tradisional negara anggota TPO sambil memegang tiga anugerah iaitu *Best Tourism Brochure Awards* (2011) dan *Best Print Advertisement Awards* (2009 dan 2010) yang pernah dirangkul MPPP bersempena penganjuran Forum TPO lalu.**

**GEORGE TOWN –** Seramai 68 Datuk Bandar dan wakil-wakil delegasi dari 32 organisasi bukan kerajaan (NGO) bakal membanjiri bandar ini ekoran pemilihan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dalam penganjuran *5th Tourism Promotion Organization For Asia Pacific Cities* (TPO) pada 17 hingga 20 September ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Lalulintas dan Kerajaan Tempatan, Chow Kon Yeow ketika satu sidang medianya berkata, MPPP adalah antara empat pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam negara yang terpilih sebagai anggota TPO.

"Kita (MPPP) amat bertuah kerana terpilih di antara 68 kerajaan tempatan bagi menganjurkan acara gilang-gemilang ini. Melalui penganjuran tersebut, ia secara tidak langsung membolehkan masyarakat luar lebih mengenali negeri Pulau Pinang," katanya di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi ,Yang Dipertua MPPP, Ar. Patahiyah Ismail dan Pengarah Jabatan Rekreasi, Pelancongan dan Perhubungan Antarabangsa, Mohamed Akbar Mustapha.

Menurut Kon Yeow, TPO diwujudkan untuk menjalin jaringan antara bandar terkemuka di Asia Pasifik dan organisasi antarabangsa bagi mempromosikan pelancongan.

"Ia adalah pusat pemasaran, perkongsian maklumat dan komunikasi di antara bandar anggota untuk membincangkan isu-isu semasa yang penting dalam industri pelancongan.

"Selain itu, mereka (Datuk Bandar) juga dapat berkongsi pengetahuan, pengalaman serta tahap perkhidmatan dalam menjaga industri pelancongan di bandar-bandar anggota," jelas beliau.

Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng bakal menyempurnakan majlis perasmian acara gilang-gemilang berkenaan di Rasa Sayang Hotel, Batu Feringhi.

Antara aktiviti yang bakal diadakan adalah Majlis Makan Malam Gala, penubuhan dan lawatan Taman Persahabatan, pelepasan penyu di Golden Sands Beach Resort dan menjelajahi *Georgetown World Heritage* dengan menaiki beca.

# Kempen Tandas Bersih ditingkat

**SEBERANG PERAI –** Dalam usaha mempertingkatkan kesedaran berhubung kepentingan penjagaan tandas awam, sebuah syarikat jenama peralatan elektrik rumah utama Korea, Woongjin Coway (M) Sdn. Bhd. (Coway), telah bersetuju untuk bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bagi menjalankan beberapa seminar di sekolah-sekolah rendah di sini.

Kempen Tandas Bersih yang dilancarkan April lalu menekankan mengenai kepentingan penjagaan tandas awam milik MPSP di 30 buah pasar awam serta 55 buah kompleks makanan di seluruh kawasan ini.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa *Task Force* Kesihatan Awam, Soon Lip Chee, pihaknya (MPSP) telah membuat perbincangan dan lanjutan itu, syarikat Coway telah bersetuju untuk mengendalikan beberapa seminar ringkas selama setengah jam setiap satu sesi di beberapa sekolah rendah terpilih di sini.

Dalam pada itu, katanya, syarikat Coway juga telah menaja penutup mangkuk tandas di tiga buah sekolah rendah iaitu Sekolah Rendah Mak Mandin, Sekolah Kwang Hwa dan Sekolah Chung Hwa 1 bagi pelaksanaan kempen berkenaan.

"Umumnya, kami (MPSP dan syarikat Coway) dalam usaha untuk menjadikan tandas awam di Seberang Perai sebagai tandas contoh di Malaysia amnya dan di Pulau Pinang khasnya. Projek asas ini kini pada peringkat pertengahan dan dijangka mula beroperasi sepenuhnya pada Jun atau Julai nanti," jelasnya.

Menurut beliau, pihak MPSP seringkali mendapat aduan daripada orang awam mengenai tahap kebersihan tandas awam terutama milik pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan bahawa ia kurang memuaskan.

Oleh itu, jelas Lip Chee, syarikat Coway telah memilih sekolah-sekolah rendah sebagai langkah pertama untuk mendidik para pelajar supaya memahami bahawa betapa pentingnya menjaga tandas awam di peringkat permulaan.

"Buat masa ini, kita sudah mewujudkan satu tandas contoh di Pasar Awam Bagan Ajam. Kontraktor telah dilantik untuk menjaga dan memantau tahap kebersihan tandas awam berkenaan.

"Kami berharap ketiga-tiga pihak iaitu korporat, orang awam dan juga Kerajaan Negeri dapat bekerjasama dalam menjayakan projek asas ini," seru Lip Chee.



**WAKIL syarikat Coway sedang menerangkan kepada seorang pelajar mengenai cara yang betul menggunakan tandas di sekolah dalam usaha menjayakan Kempen Tandas Bersih.**

# Roboh premis elak cukai taksiran

Oleh : **ZULIANA AZIZ**

**SEBERANG PERAI** – Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) semasa Mesyuarat Majlis Penuhnya telah mensyaratkan bahawa setiap pemilik premis yang ingin mengemukakan permohonan hapuskira cukai taksiran perlu terlebih dahulu meruntuhkan bangunan atau kediaman berkenaan.

Menurut jurucakap MPSP, Soon Lip Chee, setiap bulan MPSP menerima permohonan untuk hapuskira cukai taksiran bagi premis yang telah usang serta tidak boleh digunakan lagi.



**SOON Lip Chee menunjukkan salah sebuah premis usang dan terbiar yang terdapat di kawasan Seberang Perai baru-baru ini.**

"Jika premis masih mempunyai dinding walaupun telah usang dan sudah tidak boleh diduduki, pemiliknya tetap akan dikenakan cukai taksiran tahunan melainkan mereka (pemilik) telah merobohkan premis berkenaan.

"Selepas itu, barulah pihak MPSP akan memproses permohonan hapuskira cukai taksiran disertakan dokumen lengkap yang diperlukan," ujarnya ketika ditemui wartawan Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Katanya, tanggungjawab untuk memaklumkan secara bertulis kepada MPSP bahawa sesuatu harta itu telah dirobohkan adalah di bawah pemilik harta itu sendiri. Ini adalah selaras dengan peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 1971) di bawah Seksyen 161 (3).

Dalam pada itu, Lip Chee memberitahu, premis usang yang sudah lama ditinggalkan pemiliknya bukan sahaja menjejaskan imej Kerajaan Negeri yang mengutamakan kebersihan, malah, turut menjadi sasaran individu atau kumpulan tidak bertanggungjawab menjalankan kegiatan tidak bermoral.

"Premis yang terbiar akan menjadi sarang bagi penagih dadah, tempat penyimpanan barang-barang curi penjenayah, menimbulkan semak samun sekaligus menjadikannya tempat pembiakan nyamuk, ular serta binatang berbahaya yang lain.

"Perobohan premis usang dan terbiar secara tidak langsung dapat mencegah semua kegiatan tersebut daripada berleluasa dan seterusnya memakmurkan Pulau Pinang dan seluruh warganya," jelas Lip Chee.



**ANTARA para peniaga Anjung Gurney yang hadir menyertai forum anjuran MPPP di Auditorium F, Komtar di sini baru-baru ini.**

# Tender untuk tingkat tahap kebersihan

**GEORGE TOWN –** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah mengambil inisiatif mengadakan satu forum bersama para penjaja Tapak Anjung Gurney baru-baru ini bagi membincangkan masalah berbangkit yang dihadapi pihak berkenaan di Auditorium F, Komtar di sini.

Menurut Ahli Majlis MPPP, Lim Cheng Hoe, melalui forum tersebut, para peniaga bebas menyuarakan pendapat dan mengutarakan sebarang persoalan kepada pihak majlis.

"Ia lebih kepada sesi soal jawab dengan memfokuskan kepada masalah berbangkit seperti kebersihan, sampah dan sebagainya supaya isu-isu berkenaan dapat diperjelaskan dan seterusnya mencari jalan penyelesaian secara terperinci," ujarnya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Cheng Hoe memberitahu, masalah-masalah berbangkit tersebut timbul semenjak pentadbiran kerajaan terdahulu dan berlarutan hingga ke hari ini. Ia adalah membabitkan hampir 111 tapak penjaja (halal dan tidak halal).

"Anjung Gurney merupakan tapak penjaja paling besar di bawah seliaan MPPP dengan 30 lebih gerai makanan halal dan selebihnya adalah tidak halal. Bertambah rumit adalah apabila wujudnya gerai menjual minuman yang terlalu banyak.

"Ekoran jumlah gerai yang banyak, ia telah menyebabkan tahap kebersihan kurang memuaskan. Setiap malam, MPPP terpaksa mengangkut lebih dari 40 beg plastik sampah, sisa makanan, polisterin dan bahan buangan lain," ujar beliau.

Tambahnya, beberapa alternatif turut dicadangkan, antaranya adalah untuk menender kerja mencuci pinggan mangkuk kepada pihak ketiga.

"Melalui inisiatif tersebut, dijangkakan sisa buangan sampah dapat dikurang dan diasingkan mengikut kategori selaras dengan hasrat Pulau Pinang Bersih, Hijau dan Selamat," jelas Cheng Hoe.

# "Ibu umpama CEO" – Lydia

**BERAPIT –** Sempena Hari Ibu yang diraikan baru-baru ini, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit, Lydia Ong Kok Fooi telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Ibu Bersama Ibu-ibu Tunggal di sini.

Sambutan yang cukup signifikan tersebut bukan sahaja mengukir senyuman di wajah para ibu yang hadir, malah, turut menggembirakan anak-anak pada majlis sambutan hari tersebut.

"Ibu diumpamakan sebagai 'CEO' (Ketua Pegawai Eksekutif) di rumah.

"Ibu harus dihormati dan disayangi, tanpa ibu, tidak akan wujud istilah famili (keluarga)," ucap Lydia dihadapan 147 ibu-ibu tunggal dan 80 ibu-ibu yang diundang khas untuk menyertai sambutan kali ini di sini baru-baru ini.

Lydia berkata, ibu adalah tiang seri (kekuatan) sesebuah keluarga. Segala jasa dan pengorbanan ibu harus diingati dan dihargai. Ibu juga sentiasa ada di samping anak-anak tatkala mereka memerlukan kawan dan teman untuk berbual dan bermain.

Bersempena penganjuran tersebut, anak-anak kecil yang hadir turut menghiburkan ibu-ibu dengan menyanyikan tiga buah lagu berbahasa Melayu, Mandarin dan Inggeris. Ternyata, nyanyian sang kecil bukan sahaja menyentuh naluri ibu, malah, turut menceriakan suasana.

Sambutan yang turut dihadiri Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Chong Eng dan ADUN Padang Lalang, Micheal Tan Cheong Heng juga diserikan dengan pelbagai aktiviti menarik, antaranya sesi senaman '*Yoga & Breathing Technique*' oleh *Art of Living*, tarian hip hop oleh *Floor Rockerz Crew*, cabutan bertuah dan sesi fotografi oleh KY Digital.

Hadiah-hadiah cabutan bertuah ditaja oleh Nestle, Kedai Radio Ton Mooi, D' Nonce dan Pusat Khidmat Berapit.




**LYDIA Ong Kok Fooi (kanan sekali) tidak melepaskan peluang menyanyi bersama-sama para ibu sempena Sambutan Hari Ibu KADUN Berapit di sini baru-baru ini.**



**ANTARA lukisan batik kanvas yang dihasilkan oleh kaum ibu pada sambutan Hari Ibu 2012 KADUN Pulau Betong di sini baru-baru ini.**

# Kaum ibu dirai meriah

**MENCUIT HATI...** Acapkali penganjuran pertandingan mewarna pastinya melibatkan kanak-kanak, namun, berbeza di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pulau Betong kali ini apabila kaum ibu diberi peluang untuk menunjukkan bakat mewarna batik kanvas di sini.

"Selalu sangat kita anjur pertandingan mewarna untuk kanak-kanak, jadi, tak salah kalau sesekali kita anjurkannya untuk golongan ibu.

"Kita mahu sambutan Hari Ibu kali ini berbeza," ujar Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail kepada Buletin Mutiara berhubung penganjuran sambutan Hari Ibu 2012 bertemakan Kasih Ibu Membawa ke Syurga di sini baru-baru ini.

Turut diselitkan adalah Majlis Berendoi, ceramah 'Murninya Kasih Ibu', gubahan telekung dan gotong-royong memasak untuk golongan bapa. Turut diadakan adalah gerai jualan dan kaunter daftar pemilih.

Lanjutan itu, seramai 102 ibu tunggal turut diraikan dalam sambutan yang diadakan di perkarangan Masjid an-Nur, Titi Teras di sini dengan penyampaian sumbangan hamper daripada pihak penganjur.

# Tonton sambil gunting rambut percuma

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**PADANG TEMBAK –** Pusat Khidmat Rakyat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Jason Ong Khan Lee dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Padang Tembak telah mengadakan Program Gunting Rambut Percuma dan Tayangan Wayang Gambar bersama penduduk rumah pangsa Rifle Range di sini baru-baru ini.

Program yang diadakan di Dewan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) Padang Tembak itu bukan sahaja meriah, malah, rata-rata yang hadir pada hari tersebut mendapat perkhidmatan gunting rambut secara percuma sambil bersantai bersama Khan Lee.

Seramai 15 penuntut dari *Akademi Passion School of Hair Design* hadir memberi perkhidmatan percuma kepada penghuni rumah pangsa Rifle Range di sini.

Selain itu, pada program yang sama, tayangan wayang gambar Puteri Gunung Ledang turut ditayangkan sebagai hiburan. Ternyata, program seumpama itu mampu memupuk kesepakatan dan silaturrahim yang erat.



**JASON Ong Khan Lee (berdiri, tiga dari kanan) menyampaikan sijil penghargaan kepada salah seorang wakil *Akademi Passion School of Hair Design* bersempena Program Gunting Rambut Percuma dan Tayangan Wayang Gambar bersama penduduk rumah pangsa Rifle Range di sini baru-baru ini.**

# 500 hadir majlis sambutan tahun baru

**PINANG TUNGGAL** – Sempena sambutan *Chitthirai Putthandu* atau tahun baru, Pejabat Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pinang Tunggal telah menganjurkan suatu Majlis Makan Malam Bersama Masyarakat India di sini baru-baru ini.

Menurut Pegawai Penyelaras KADUN Pinang Tunggal, Muhasdey Muhamad, beliau berasa teruja ekoran penganjuran julung kali itu telah berjaya memperoleh sambutan mengalakkan dengan kehadiran kira-kira 500 penduduk yang majoritinya berketurunan India.

"Majlis Makan Malam yang turut dianjurkan secara bersama dengan Pejabat Timbalan Ketua Menteri I diharap dapat menyatupadukan masyarakat India ke arah pembangunan yang positif," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Dalam majlis yang sama, turut diselitkan adalah persembahan nyanyian oleh anak-anak muda India, tarian tradisional, sesi fotografi dan pemberian hamper kepada 20 individu yang kurang bernasib baik dan memerlukan bantuan.

Hadir sama Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman; Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain; Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah, Datuk S. Manikumar; Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Uban, S. Raveentharan dan keluarga; Ketua Whip Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Johari Kassim; PPK Bertam Asrol Sani Abdul Razak dan Ahli Lembaga Pengarah Pusat Urus Zakat, Ir. Ahmad Zakiyudin Abdul Rahman.



**MANSOR Othman (dua dari kiri) dan Muhasdey Muhamad (kiri sekali) menyampaikan sumbangan hamper sempena Majlis Sambutan *Chitthirai Putthandu* di sini baru-baru ini.**

# Sumbang bina masjid baharu

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**



**ABDUL Malik Abul Kassim.**

**BATU MAUNG** – "Sama-samalah kita menderma untuk merealisasikan pembinaan masjid yang telah dirancang lebih daripada 20 tahun dulu," ucap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Abdul Malik Abul Kassim pada Majlis Pelancaran Tabung Pembinaan Masjid Jamek Batu Maung baharu di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, masjid merupakan institusi terpenting umat Islam dalam membangunkan dan menyatupadukan ummah tanpa mengira ideologi politik mahupun warna kulit. Masjid bukan sahaja menjadi tempat ibadah, malah, juga menjadi pusat perkembangan syiar Islam dan pernah dijadikan sebagai pusat pentadbiran ketika zaman Rasulullah S.A.W.

"InsyaAllah, di bawah Pakatan Rakyat, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM2.0 juta untuk pembinaan masjid ini.

"Namun, jumlah tersebut masih belum mencukupi untuk menampung kos keseluruhan hampir RM4.3 juta," ujar Abdul Malik yang juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Masjid Jamek Batu Maung bakal dibangunkan di atas sebidang tanah berkeluasan 3,578.93 kaki persegi bagi menggantikan masjid lama yang telah berusia 130 tahun.

Setelah siap kelak, masjid tersebut bukan sahaja mampu menampung sehingga 1,500 jemaah pada suatu-suatu masa, malah, turut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan termasuk bilik mesyuarat, bilik imam, bilik bilal, ruangan untuk kenduri, ruangan parkir dan sebuah dewan makan.

Sebarang sumbangan atau derma bolehlah dibuat ke akaun Kariah Masjid Jamek Batu Maung, bank CIMB 0718 0000 8592 08 atau hubungi Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di talian 04 - 650 5135 atau 04 - 650 5364.



**KERJA-kerja penurapan semula laluan di Lahar Endin sedang dijalankan di sini baru-baru ini.**

# Laluan Lahar Endin selesai diturap

**PENAGA -** "Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi, permohonan yang dibuat enam bulan lalu telah terlaksana kini," ujar Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Penaga, Rosidi Hussain berhubung permohonan penurapan semula jalan di Lahar Endin di sini.

Rosidi berkata, permohonan tersebut telah diserahkan enam bulan lalu kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri dan telah dibangkitkan beberapa kali di dalam mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah Seberang Perai Utara (SPU) sebelum ia dilaksanakan sepenuhnya baru-baru ini.

Hasil inisiatif dan komitmen Pejabat PPK, Pejabat Daerah dan Tanah SPU dan JKR, projek penurapan semula telah diluluskan dengan anggaran kos mencecah RM300,000.

"Ini (penurapan semula) bukan untuk kesenangan orang ramai di Taman Penaga sahaja, malah, penduduk di Kampung Bakar Kapor yang menghantar dan mengambil anak-anak mereka dari sekolah berdekatan juga menjadi mudah dan selamat.

"Jalan ni (ini) dulu berlubang, lopak sana sini dan merbahaya terutama waktu malam dan hujan. Jadi kita (Pejabat PPK) mengambil inisiatif menurap semula laluan tersebut," ujar Rosidi kepada Buletin Mutiara.

# BN Hilang Modal & Terus Buat Fitnah :

| FITNAH UMNO | FAKTA BENAR |
|---|---|
| Penjualan tanah Bayan Mutiara dibuat secara rundingan. | Tender terbuka dijalankan dan tidak diberikan kepada kroni. |
| Hasil penjualan tanah Bayan Mutiara tidak bermanfaat kepada rakyat. | RM500 juta diperuntukkan untuk membina rumah mampu milik bermutu yang terbaik di Malaysia agar golongan tidak berada boleh hidup dengan bermaruah. |
| Harga jualan RM240 sekaki persegi terlalu rendah kerana boleh dijual dengan harga RM420 sekaki persegi. | Harga tender terbuka untuk semua. Cabar UMNO beli dengan RM420 sekaki persegi tapi UMNO tidak berani terima. |
| Rancangan pembinaan terowong ke Balik Pulau. | Tiada rancangan langsung. |
| Anti-Bahasa Malaysia kerana minta pelajar boikot Utusan Malaysia dan Berita Harian. | Minta pelajar pilih Sinar Harian (SH) yang lebih benar daripada Utusan Malaysia dan Berita Harian yang pandai sebarkan fitnah anti-PR. Bukankah SH suratkhabar Bahasa Malaysia? |
| Konspirasi besar kerana Ketua Menteri menerima kunjungan hormat Ahli Parlimen wanita PAP. | Mengapa tiada konspirasi apabila Ahli Parlimen wanita PAP turut mengadakan kunjungan hormat terhadap Wanita UMNO? |
| Ketua Menteri cakap tidak perlukan undi kaum India. | Bukti video menunjukkan bahawa Ketua Menteri mahu dan hormat semua kaum termasuk kaum India. |
| Kerajaan Negeri roboh rumah kampung orang Melayu. | Tiada sebuah rumah kampung pun dirobohkan oleh Kerajaan Negeri sebaliknya koperasi yang dipengerusikan UMNO robohkannya. |

**Ketua Menteri telah menang saman malu terhadap Utusan Malaysia sebanyak RM 250 ribu atas fitnah jahat beliau anti-Islam, anti-Melayu.**